

MAHATHIR - BAHASA

ARAU, 25 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA DIPERTINGKATKAN LAGI.

BELIAU MAHU SELURUH RAKYAT SEKURANG-KURANGNYA MAMPU MEMAHAMI BAHASA ITU MANAKALA BAGI GOLONGAN TERTENTU, SEPERTI PEGAWAI KEDUTAAN, PEGAWAI TINGGI KERAJAAN, GURU DAN PROFESOR, MEREKA MESTILAH MENGUASAI BAHASA ITU HINGGA KE TAHAP YANG MEMBOLEHKAN MEREKA BERHUKUM DAN MENGELUARKAN PENDAPAT DALAM BAHASA INGGERIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SARANAN BELIAU ITU BUKAN MENUNJUKKAN BAHAWA BELIAU TIDAK SAYANG KEPADA BAHASA MALAYSIA TETAPI, KATANYA, SEKIRANYA MALAYSIA INGIN DIKENALI DAN DIHORMATI DI SELURUH DUNIA, RAKYAT MESTILAH FASIH BERBAHASA INGGERIS.

+KITA MESTILAH SINGKIRKAN PERASAAN FANATIK TERHADAP BAHASA MALAYSIA,+ KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN PELAJAR SEKOLAH DI SEKOLAH MENENGAH DATUK SHEIKH AHMAD DI SINI SEMENA LAWATAN SEHARINYA KE PERLIS HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENEKANAN KE ARAH MEMPERTINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS IALAH KERANA IA ADALAH BAHASA YANG UMUM DIGUNAKAN DI SELURUH DUNIA SEBAGAI BAHASA PERJANJIAN DAN BAHASA PERDAGANGAN. -- LAGI.  
1226MST 25 06 90

D809

U B634 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 2 ARAU

BELIAU BERKATA RAKYAT BEBERAPA NEGARA LAIN, SEPERTI JEPUN DAN INDONESIA, YANG DAHULUNYA KURANG MENGUASAI BAHASA ITU, KINI LEBIH FASIH MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS DARIPADA RAKYAT MALAYSIA.

+SAYA BERASA KECEWA KERANA DALAM USAHA BERUNDING, ORANG INDONESIA LEBIH FASIH DAN BOLEH MENEGUR PERKATAAN-PERKATAAN (INGGERIS) YANG DIGUNAKAN,+ KATANYA.

BELIAU MENDAPATI PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA KINI SEMAKIN BERKURANGAN.

+KITA SAYANG BAHASA MALAYSIA. KITA MAHU BAHASA KITA MENJADI BAHASA YANG MULIA DAN DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK. TETAPI KITA JUGA MAHU MENINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS KITA.

+ORANG YANG MEMPERJUANGKAN BAHASA KEBANGSAAN IALAH GENERASI SAYA DAN LEBIH AWAL DARIPADA ORANG YANG MENGKRITIK SARANAN SUPAYA DITINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA INGGERIS,+ KATANYA. -- LAGI.  
1234MST 25 06 90

D810

U B635 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 3 ARAU

SEBELUM ITU, BELIAU BERKATA, KERAJAAN KINI TIDAK LAGI MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENDIDIKAN DALAM BIDANG SASTERA.

KATANYA, TUMPUAN KINI DIBERI KEPADA PENDIDIKAN YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG INDUSTRI DAN TEKNOLOGI AGAR GENERASI MASA AKAN DATANG BERSIAP SEDIA UNTUK MENCEBURI BIDANG-BIDANG BERKENAAN.

+KITA MAHU MELAHIRKAN LEBIH BANYAK JURUTERA, JURUTEKNIK, TUKANG-TUKANG YANG BERKEMAHIRAN YANG SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI DAN INDUSTRI DI NEGARA INI,+ KATA BELIAU.

BELIAU MENASIHATI PELAJAR SUPAYA JANGAN MENGAMBIL JALAN MUDAH DENGAN MEMILIH MATA PELAJARAN YANG MUDAH KERANA MEREKA AKAN MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN SETELAH MENDAPAT IJAZAH.

BELIAU JUGA MENEGUR SEGOLONGAN IBU BAPA YANG MENDORONG ANAK-ANAK SUPAYA MENGAMBIL MATA PELAJARAN YANG MUDAH SEPERTI BIDANG SASTERA KERANA BIDANG-BIDANG BERKENAAN TIDAK LAGI MENJAMIN PEKERJAAN PADA MASA AKAN DATANG.

-- LAGI.

D811

U B636 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 4 ARAU

+KALAU AMBIL BIDANG YANG TIDAK COCOK DENGAN PERTUMBUHAN INDUSTRI NEGARA, JANGAN MARAH KALAU TAK DAPAT KERJA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PENDUDUK NEGARA YANG BERJUMLAH 17 JUTA ORANG PADA MASA INI SEDANG MENINGKAT DENGAN PESAT PADA KADAR 2.3 PERATUS SETAHUN.

MENURUTNYA, SEKIRANYA PERTUMBUHAN PENDUDUK NEGARA PADA KADAR DUA PERATUS SETAHUN, INI BERMAKNA PENDUDUK MALAYSIA AKAN BERTAMBAH 340,000 ORANG SETAHUN.

BELIAU BERKATA, DENGAN BILANGAN LEPASAN SEKOLAH SERAMAI 150,000 SETAHUN SUDAH TENTU GENERASI AKAN DATANG AKAN LEBIH SUKAR UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN MELAINKAN MEREKA MEMILIH BIDANG YANG SESUAI DENGAN KEPERLUAN NEGARA PADA MASA ITU.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA KINI MEMBERI LEBIH TUMPUAN KEPADA BIDANG INDUSTRI PENGELUARAN KERANA IA LEBIH MENDATANGKAN HASIL BERBANDING DENGAN SEKTOR PERTANIAN SERTA DAPAT MENAMPUNG BILANGAN PEKERJA YANG LEBIH BANYAK.

-- LAGI.

1238MST 25 06 90

D812

U B637 DEB  
MAHATHIR - BAHASA 5 ARAU

BELIAU YAKIN MALAYSIA AKAN MENJADI NEGARA MAJU PADA MASA AKAN DATANG KERANA PADA MASA INI PUN NEGARA TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA DALAM INDUSTRI PENGELUARAN KERETA.

+MEMANG BENAR ORANG JEPUN TOLONG KITA, TAPI ORANG JEPUN PUN DULU TIRU DARIPADA ORANG PUTIH DAN SEKARANG ORANG PUTIH PULA TIRU ORANG JEPUN. SUATU HARI NANTI ORANG LAIN PULA AKAN TIRU KITA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, TIBA DARI ALOR SETAR KIRA-KIRA PUKUL 9.30 PAGI DENGAN HELIKOPTER. KETIBAAN MEREKA DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR DR ABDUL HAMID PAWAN TEH DAN ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.  
1239MST 25 06 90